

**HUBUNGAN SIKAP DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK  
PELAJAR PROGRAM DIPLOMA SISTEM MAKLUMAT  
TAHUN AKHIR DI KOLEJ YAYASAN SABAH  
CAWANGAN KEPAYAN.**

**STEVEN CHARLES ALBERT**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
( PENGURUSAN PENDIDIKAN )**

**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**EKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2013**



# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: HUBUNGAN SIKAP DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR PROGRAM DIPLOMA SISTEM MAKLUMAT TAHUN AKHIR DI KOLEJ YAYASAN SABAH CAWANGAN KEPAYAN

IJAZAH: IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN )

SAYA : STEVEN CHARLES ALBERT

SESI PENGAJIAN: 2011/2012

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

( Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

( Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh



(STEVEN CHARLES ALBERT)



(PROF. DR. VINCENT PANG)

Alamat Tetap : Lot 111, Lorong Satu,  
Taman Pasir Putih, 88200, Putatan

Tarikh: 2 JULAI 2013

Tarikh: 2/7/2013

CATATAN:- \*Potong yang tidak berkenaan.

\*\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

2 Mei 2013



Steven Charles Albert  
PT20117201C

## **PENGHARGAAN**

Sesungguhnya segala puji dan syukur hanya bagi Tuhan atas pimpinan dan hikmat kebijaksanaan yang diilhamkan dalam menjayakan disertasi ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Professor Dr. Vincent Pang selaku Penyelia yang telah memberi bimbingan, teguran dan tunjuk ajar semasa proses penghasilan disertasi ini tidak kira masa dan tenaga.

Kerjasama daripada pihak Kolej Yayasan Sabah, Cawangan Kepayan amatlah dihargai. Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan disertasi ini.

Steven Charles Albert

2 Mei 2013

## **ABSTRAK**

### **HUBUNGAN SIKAP DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR PROGRAM DIPLOMA SISTEM MAKLUMAT TAHUN AKHIR DI KOLEJ YAYASAN SABAH CAWANGAN KEPAYAN.**

Kajian ini mengkaji hubungan sikap (komitmen, emosi dan berwawasan) dengan pencapaian akademik pelajar Diploma Sistem Maklumat Tahun Akhir di KYS, Cawangan Kepayan. Kajian ini melibatkan 92 responden yang terdiri daripada 28 pelajar lelaki dan 64 pelajar perempuan. Kajian ini berbentuk korelasi dan menggunakan instrumen soal selidik dengan skala Likert bagi mengukur sikap dari tiga aspek. Tiga aspek dalam soal selidik ialah emosi, komitmen serta berwawasan. Nilai pekali Alpha Cronbach untuk kajian ini adalah 0.784. Dapatkan kajian mendapati sikap dari ketiga-tiga aspek tersebut mencatatkan nilai min melebihi 3.5 iaitu komitmen dengan nilai min 3.97, sikap emosi dengan nilai min 4.22 serta sikap berwawasan dengan nilai minnya 4.00. Keseluruhannya, pelajar KYS mempunyai sikap komitmen, emosi serta berwawasan yang baik terhadap pembelajaran. Dapatkan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan pencapaian akademik di antara pelajar perempuan dan lelaki DKM KYS. Kajian juga telah menemui bahawa sikap komitmen dan berwawasan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar DKM, tetapi sebaliknya bagi sikap emosi. Di samping itu, dikemukakan juga cadangan kajian untuk meningkatkan lagi pencapaian akademik pelajar DKM KYS.

## **ABSTRACT**

### **ATTITUDE RELATIONSHIP WITH ACADEMIC ACHIEVEMENT DIPLOMA OF INFORMATION SYSTEM FINAL YEAR STUDENT IN KOLEJ YAYASAN SABAH, KEPAYAN BRANCH.**

*This study examines the attitudes relationship (commitment, emotional and visionary) with academic achievement of Diploma Information System Final Year students KYS, Kepayan Branch. The study involved 92 respondents from 28 male students and 64 female students. This research is a correlation and using questionnaire with Likert scale to measure the attitude of the three aspects. Three aspects are emotional, commitment and vision. Cronbach Alpha coefficient for this study is 0.784. Results showed that the attitude of the three aspects of the recorded mean values above 3.5 with a mean value of 3.97 for commitment, emotional attitude with a mean value of 4.22 and visionary with a mean value of 4.00. Overall, the students have a sense of commitment, emotion and good vision for learning. The findings also show that there are differences in academic achievement between girls and boys of DSM KYS. Studies also have found that attitude and visionary commitment has a significant relationship with academic achievement DKM, but rather for emotional behavior. In addition, recommendations were given to improve student academic achievement DSM KYS.*

## **SENARAI KANDUNGAN**

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGESAHAN</b>	ii
<b>PENGAKUAN CALON</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN/SIMBOL</b>	xii
 <b>BAB 1 : PENGENALAN</b>	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Soalan Kajian	8
1.6 Hipotesis Kajian	8
1.7 Limitasi Kajian	8
1.8 Definisi Operasional	9
1.8.1 Sikap	9
1.8.2 Pencapaian	9
1.9 Kepentingan Kajian	9
1.10 Penutup	10

<b>BAB 2 : KAJIAN LITERATUR</b>	<b>11</b>
2.1 Pengenalan	11
2.2 Teori Sikap	11
2.3 Kajian sikap	13
2.3.1 Kajian Sikap dari aspek komitmen	14
2.3.2 Kajian Sikap dari aspek emosi	16
2.3.2 Kajian Sikap dari aspek berwawasan	17
2.4 Kajian sikap pelajar dewasa	18
2.4.1 Pembelajaran orang dewasa	20
2.4.2 Andragogi	21
2.4.3 Pembelajaran melalui pengalaman	22
2.5 Kerangka Teori	23
2.6 Kajian hubungan sikap dengan pencapaian akademik	26
2.6.1 Sistem Gred	28
<b>BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>31</b>
3.1 Pengenalan	31
3.2 Reka Bentuk Kajian	31
3.3 Lokasi Kajian	32
3.4 Sampel Kajian	32
3.5 Instrumen Kajian	33
3.6 Kaedah Analisis Data	35
3.7 Analisis Kebolehpercayaan	36

<b>BAB 4 : ANALISIS DATA DAN DAPATAN</b>	38
4.1 Pengenalan	38
4.2 Analisis Bahagian A : Latarbelakang Responden	39
4.3 Analisis Bahagian B	39
4.3.1 Perbezaan Pencapaian Akademik berdasarkan Jantina	40
4.3.2 Hubungan Sikap dari segi Emosi, Komitmen dan Berwawasan dengan Pencapaian Akademik	40
4.4 Analisis Sikap (Emosi) Pelajar KYS Terhadap Pembelajaran	42
4.5 Analisis Sikap (Komitmen) Pelajar KYS Terhadap Pembelajaran	43
4.6 Analisis Sikap (Berwawasan) Pelajar KYS Terhadap Pembelajaran	45
<b>BAB 5 : RUMUSAN, PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	47
5.1 Pengenalan	47
5.2 Perbincangan dan kesimpulan	47
5.2.1 Sikap pelajar KYS dari aspek komitmen terhadap pembelajaran.	47
5.2.2 Sikap pelajar KYS dari aspek emosi terhadap pembelajaran	49
5.2.3 Sikap pelajar KYS dari aspek berwawasan terhadap pembelajaran	50
5.2.4 Hubungan sikap (komitmen,emosi, berwawasan) pelajar KYS dengan pencapaian akademik.	51
5.3 Cadangan	52
5.3.1 Kementerian Pelajaran	52
5.3.2 Pihak KYS	53
5.3.3 Pensyarah	53
5.4 Cadangan Kajian Lanjut	55
5.5 Penutup	55
<b>RUJUKAN</b>	57
<b>LAMPIRAN</b>	65

## **SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Tajuk	Halaman
2.1	Hubungan Antara Markah, Gred dan Mata Nilai	29
3.1	Skala Likert 5 Mata	34
3.2	Jumlah Item Soalan dalam Soal Selidik	34
3.3	Pertimbangan Penyelidik untuk menjawab Persoalan kajian yang berkaitan	35
3.4	Nilai Kekuatan Hubungan Antara Pembolehubah	36
4.1	Taburan Kekerapan Responden Mengikut Jantina	39
4.2	Analisis Ujian-t perbezaan PNGK mengikut Jantina	40
4.3	Korelasi di antara Sikap (Emosi,Komitmen dan Berwawasan) dengan PNGK	41
4.4	Taburan Kekerapan dan Min Sikap (Emosi) Responden	42
4.5	Taburan Kekerapan dan Min Sikap (Komitmen) Responden	44
4.6	Taburan Kekerapan dan Min Sikap (Berwawasan) Responden	45

## **SENARAI RAJAH**

No. Rajah	Tajuk	Halaman
2.1	Model CAL	21
2.2	Model Andragogi	22
2.3	Model Experiential Learning	23
2.4	Kerangka Konsep faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik	26

## **SENARAI SINGKATAN**

KYS	Kolej Yayasan Sabah
DSM	Diploma Sistem Maklumat
JKP	Jabatan Pembangunan Kemahiran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PKPG	Program Khas Pensiswazahan Guru
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
PPK	Program Pembangunan Kemahiran
UPSI	Universiti Perguruan Sultan Idris
SPSS	Statistical Package for Social Science

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Sikap adalah suatu konsep paling penting dalam psikologi sosial. Sikap adalah sesuatu yang berbentuk dalaman dan sukar untuk difahami. Ia terletak di dalam sanubari kita dan bukan semua sikap dapat dizahirkan secara terang dalam realiti kehidupan. Itulah sikap yang sering membuat manusia tertanya-tanya dan tercari-cari. Melalui sikap, manusia boleh mempelajari pelbagai ilmu baru untuk mempertingkatkan jati diri. Itulah sikap yang sebenar yang perlu ada dalam diri manusia. Banyak kajian telah dilakukan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian pelajar-pelajar di sekolah. Banyak kajian dilakukan untuk merumuskan pengertian sikap, proses terbentuknya sikap, mahupun proses perubahannya, tidak kurang juga penelitian yang telah dilakukan terhadap sikap untuk mengetahui kesan dan peranannya baik sebagai pembolehubah bersandar mahupun pembolehubah bebas. Menurut ahli psikologi sikap boleh dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu afektif, perilaku (behavioral), dan kognitif (Rajecki, 1989). Komponen afektif menjurus kepada perasaan terhadap sesuatu objek, manakala komponen perilaku pula ialah kecenderungan untuk bertindak pada tingkah laku tertentu yang berkait dengan sikap kita. Komponen kognitif pula merujuk kepada pengetahuan dan kepercayaan seseorang individu terhadap suatu objek. Walaupun sikap dapat dibahagikan kepada tiga komponen, namun ketiga-tiga komponen tersebut saling berkait rapat dalam pembentukan dan pemantapan sikap seseorang individu. Terdapat beberapa teori mengenai sikap (Mann, 1969 ; Secord and Backman, 1966) antaranya adalah teori keseimbangan (Balance Theory) oleh Heider (1946) ; teori kesesuaian (Congruity principle) dari Tannenbaum (1995); teori desonansi kognitif (Cognitive Dissonance) yang dikemukakan oleh Festinger (1957) mahupun teori afektif

kognitif dari Rossenberg (1960), serta beberapa teori lain.

Walau bagaimanapun, sikap itu sendiri tidak boleh dilihat terus, tetapi ianya boleh diukur dengan menggunakan alat pengukur yang sesuai. Hasil ukuran amat bergantung kepada kesahihan (validity) dan kebolehpercayaan (reliability) alat pengukur yang digunakan. Selain itu sikap itu tidak bererti selagi sikap positif menjanjikan ganjaran atau keuntungan manakala untuk sikap negatif pula hanya membawa kepada hukuman atau kerugian (Bohner, 2002). Sikap juga membantu dalam mengkategorikan golongan manusia, di mana manusia dapat dikategorikan mengikut sikap mereka yang berbeza (contohnya konservatif atau feminis; Hymes, 1986). Sikap juga bukan hanya mempengaruhi tingkahlaku dan sikap orang lain, tetapi menunjukkan bagaimana kita memproses maklumat berhubung dengan sikap terhadap objek (Pratkanis, 1989).

Dalam dunia teknologi kini, faktor psikologi seperti sikap ini semakin dilupakan, namun dengan adanya kajian terhadap sikap, sedikit sebanyak memberi gambaran bahawa sikap masih memainkan peranan yang penting. Dalam konteks kajian ini, pencapaian akademik menjadi ukuran untuk melihat sejauh mana sikap memainkan peranannya. Namun harus diingat, walaupun sikap setiap individu adalah berbeza, tetapi individu masih boleh dikategorikan mengikut sikap yang hampir sama berlandaskan beberapa faktor antaranya, pekerjaan, jantina, serta umur.

Berbicara tentang umur dan sikap, ianya sejajar dengan tajuk kajian ini iaitu melihat hubungan sikap dengan pencapaian akademik pelajar DSM, yang juga boleh dikategorikan sebagai pelajar dewasa atau senior. Terdapat banyak kajian mengenai pelajar dewasa yang berlandaskan kepada teori pembelajaran dewasa. Teori pembelajaran dewasa telah dikenalpasti seawal 1930-an oleh Edward C. Lindeman. Diikuti konsep pembelajaran moden dewasa yang telah dikaji oleh beberapa orang penulis termasuk Brookfield (1986), Cross (1981), Kidd (1973), dan

Knowles (1998). Walaubagaimanapun teori Lindeman tetap dijadikan landasan kajian mereka. Antara konsep asas yang dinyatakan oleh beliau ialah orang dewasa bermotivasi untuk belajar, mereka "life-centered", pengalaman merupakan sumber utama pembelajaran, terarah kendiri dan akhir sekali ialah perbezaan individu berkadar langsung dengan umur. Ini bermaksud semakin meningkat umur seseorang maka perbezaan antara individu juga semakin ketara. Knowles (1998) juga telah mengemukakan konsep yang hampir sama dengan mengenalpasti perbezaan di antara pembelajaran orang dewasa dengan kanak-kanak.

Andaian asas mengenai pembelajaran dewasa telah dibuat oleh beberapa pengkaji, yang juga dikenali sebagai andragogi. Andragogi ialah sebuah teori pembelajaran yang sukar didefinisikan (Cross, 1981). Salah satu teori belajar dan pembelajaran orang dewasa yang cukup terkenal adalah gagasan andragogi dari Knowles (1913-1997). Pada tahun 1970, Knowles membezakan cara mengajar kepada anak yang disebut pedagogi dengan cara mengajar kepada orang dewasa yang dinamakan andragogi. Knowles berkeyakinan bahawa cara orang dewasa belajar sangat berbeza dengan cara anak belajar.

Pengaruh terarah kendiri dan kognitif ini akan memberi kesan terhadap faktor lain seperti penyelesaian masalah dalam persekitaran pembelajaran dewasa. Penyelesaian masalah dalam konteks pembelajaran dewasa ini merujuk kepada usaha seseorang untuk mencapai goal dimana mereka tidak mempunyai cara automatik ( Schunk, 1991).

Berdasarkan pernyataan itu, bolehlah dirumuskan bahawa sikap pelajar dewasa mempunyai pengaruh terhadap usaha mereka dalam mencapai pencapaian akademik yang baik. Oleh itu, dalam kajian ini, akan dilihat adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara ketiga-tiga sikap iaitu komitmen, emosi dan wawasan dengan pencapaian akademik pelajar DSM. Hasil kajian ini nanti boleh dijadikan rujukan oleh pendidik pelajar dewasa. Ini adalah kerana dengan

memahami sikap pelajar adalah mudah untuk pendidik menyampaikan ilmu pengetahuan dengan cara yang lebih berkesan lagi. Selain itu, sekiranya sikap memainkan peranan yang penting dalam pencapaian akademik seseorang individu, maka persediaan awal dalam pembentukan sikap yang diingini dapat dibuat oleh pihak institusi pendidikan untuk menghasilkan produk yang berkualiti tinggi yakni mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang.

## **1.2 Latar belakang masalah**

Kolej Yayasan Sabah (KYS) adalah sebuah institusi Pengajian Tinggi Swasta yang ditubuhkan pada tahun 1990 dengan nama asalnya Institut Pembangunan Insan. Nama kolej kemudiannya telah diubah kepada Kolej Komuniti Yayasan Sabah (KKYS) pada 30 Julai 1994. Pada 4 Januari 2002, Kolej Komuniti Yayasan Sabah telah ditukar namanya kepada Kolej Yayasan Sabah (KYS), ditubuhkan sejajar dengan objektif utama Yayasan Sabah yang termaktub dalam Enakmen Yayasan Sabah No. 8 1966 Seksyen 3 iaitu memberi penekanan terhadap kemajuan pendidikan. Berlandaskan objektif ini, KYS giat menjalankan program-program pendidikan yang berbentuk latihan kemahiran teknikal vokasional professional dan pengajian akademik selaras dengan keperluan sumber manusia yang lebih berpengetahuan dan berkemahiran untuk meneraju Sabah ke arah menjadi sebahagian daripada negeri industri dan maju seperti yang dicerminkan dalam aspirasi Wawasan 2020. Program Diploma Sistem Maklumat merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memperkasakan sistem pendidikan di negara ini. Program ini ditaja oleh Jabatan Kemahiran Malaysia (JPK) di bawah naungan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Berdasarkan kajian Nor Azah Samot (2006) terhadap pelajar-pelajar yang mengikuti Kursus Teori Statistik di UPSI, di mana seramai 55 orang pelajar PKPG dipilih sebagai responden, telah menunjukkan prestasi yang kurang memberansangkan di dalam kursus tersebut. Daripada jumlah tersebut, 27.3% lulus lemah, 25% lulus, sementara 30.9% kepujian berbanding hanya 16.4%

sahaja yang memperoleh keputusan yang cemerlang. Di sini, boleh dibuat kesimpulan bahawa lebih daripada 50% pelajar PKPG tersebut hanya sekadar lulus sahaja dalam Kursus Teori Statistik ini. Walaupun ini hanyalah perangkaan untuk Kursus Teori Statistik di UPSI, namun ini harus dilihat serius memandangkan pelajar PKPG adalah guru-guru yang bakal pulang ke sekolah untuk mengajar, dan berkemungkinan besar mengajar di sekolah menengah. Persoalannya di sini adakah program ini berjaya menghasilkan produk yang berkualiti tinggi sejajar dengan keperluan sistem pendidikan negara yang semakin mencabar kini. Pelajar PKPG yang kini berada di tahun akhir sepatutnya mempunyai keputusan yang baik, sekurang-kurangnya PNGK 2.50 dan ke atas. Keputusan ini diandaikan keputusan yang baik kerana ada dinyatakan didalam syarat-syarat Tawaran Pinjaman Pelajaran Program PKPG di IPTA (2006):

"c) syarat-syarat pembayaran balik 25% daripada jumlah pembayaran sebenar ialah;

i) lulus cemerlang dengan pencapaian akademik PNGK 2.75 ke atas "

Sekiranya pada akhir pengajian nanti, guru-guru siswazah yang bakal pulang ke sekolah ini hanya berbekalkan PNGK kurang daripada 2.50, adakah ini memadai dengan sistem pendidikan di negara kita yang semakin mencabar?. Adakah guru-guru dengan pencapaian akademik yang sederhana memadai untuk mengisi kekosongan jawatan di sekolah-sekolah menengah dan rendah kelak? Persoalan persoalan ini pastinya dapat dielakkan sekiranya faktor kecemerlangan dan kelemahan segelintir pelajar PKPG dapat dikenalpasti. Dalam kajian ini hanya permasalahan hubungan sikap dengan pencapaian akademik sahaja dikaji.

Pencapaian akademik merupakan ukuran untuk menentukan samada seseorang itu berjaya atau tidak. Di universiti, pencapaian PNGK menentukan sama ada cemerlang atau sebaliknya seseorang graduan itu. Namun, terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar. Satu

kajian yang dijalankan oleh Alias Baba (1989) mengenalpasti sikap sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi pencapaian dalam mata pelajaran kimia. Fishbein (1980) juga berpendapat bahawa membuat kajian terhadap sikap adalah penting kerana ia mampu meramal respon individual terhadap suatu objek. Malah, kajian Centra dan Potter (1980) mengatakan antara faktor paling penting yang mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar adalah sikap pelajar itu sendiri. Selain itu, ada juga yang mengatakan sikap adalah panduan kepada tingkahlaku, sikap yang disukai mendapat respon yang positif dan sebaliknya jika sikap yang tidak disukai (Fishbein, 1980).

Hasil daripada kajian-kajian lepas juga menunjukkan terdapat dua pendapat iaitu satu kelompok mengatakan sikap pelajar terhadap pencapaian mata pelajaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaiannya dan satu lagi kelompok mengatakan bahawa tiadanya hubungan jelas di antara sikap dengan pencapaian pelajar.

Hasil kajian Adnan Khamis (1986) pula menunjukkan wujudnya hubungan yang lemah di antara sikap dan pencapaian matematik. Antara kemungkinan sebab yang membawa kepada hasil kajian tersebut adalah tahap kemampuan pelajar untuk mendapat skor yang baik adalah terhad walaupun menyedari akan kepentingan mata pelajaran matematik. Selain daripada itu, kemungkinan terdapatnya ketidakjelasan dalam membuat ukuran sikap dan ujian pencapaian yang telah membawa kepada penemuan hubungan yang tidak jelas di antara dua pembolehubah di dalam kajian ini.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kajian yang dijalankan ini ialah untuk melihat adakah wujud hubungan yang signifikan di antara sikap dengan pencapaian akademik pelajar tahun akhir Diploma Sistem Maklumat, Kolej Yayasan Sabah, Cawangan Kepayan. Sikap berkenaan akan dilihat dari aspek komitmen iaitu penglibatan pelajar secara aktif atau tidak dalam pembelajaran di kolej, aspek emosi di mana perasaan pelajar sama ada suka atau tidak dengan pembelajaran di kolej, dan aspek berwawasan iaitu pelajar bersifat inisiatif atau tidak dengan pembelajaran di kolej. Ketiga-tiga aspek ini kemudian dihubungkan dengan pencapaian PNGK. terkini pelajar tahun akhir yang terdiri daripada kursus Sistem Maklumat untuk melihat pertalian antara pembolehubah-pembolehubah berkenaan.

### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan sikap yang difokuskan hanya kepada komitmen, emosi dan wawasan dengan pencapaian akademik pelajar DSM iaitu PNGK. terkini. Kajian ini dijalankan berasaskan beberapa objektif yang telah dikenalpasti. Objektif kajian ini ialah:

1. Mengenalpasti perbezaan sikap antara pelajar lelaki DSM dengan pelajar perempuan DSM di Kolej Yayasan Sabah, Cawangan Kepayan.
2. Mengkaji hubungan sikap dengan pencapaian akademik pelajar DSM di Kolej Yayasan Sabah, Cawangan Kepayan.

## **1.5 Soalan Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk menjawab soalan-soalan yang berikut:

1. Adakah terdapat perbezaan dalam pencapaian akademik pelajar DSM Kolej Yayasan Sabah berdasarkan jantina?
2. Adakah terdapat hubungan antara sikap dengan pencapaian akademik pelajar DSM Kolej Yayasan Sabah?

## **1.6 Hipotesis Kajian**

1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian akademik berdasarkan jantina.
2. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan pencapaian akademik

## **1.7 Limitasi Kajian**

Kajian ini terhad kepada kajian hubungan sikap dengan pencapaian akademik di salah sebuah Kolej Swasta di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia sahaja. Manakala kajian ini tertumpu kepada pelajar Diploma Sistem Maklumat akhir daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang telah menjalani Peperiksaan Akhir Tahun sahaja.

## **1.8 Definisi Operasional**

Dalam kajian ini, terdapat beberapa definisi atau istilah yang akan digunakan oleh penyelidik bagi menerangkan sesuatu perkara dengan lebih jelas selari dengan makna atau maksud yang diutarakan.

### **1.8.1 Sikap**

Sikap adalah sesuatu yang mempengaruhi seseorang individu di dalam memberi nilai terhadap simbol objek atau apa yang disukai atau tidak. Ianya boleh diukur melalui kajian soal-selidik. Instrument bagi kajian ini mempunyai 30 item yang telah diubahsuai daripada instrument yang telah digunakan oleh Nihra Haruzuan Bin Mohd. Said dan Chandrathevy A/P Kuppusamy (2010)

### **1.8.2 Pencapaian**

Pencapaian pula bermaksud skor atau gred yang diperolehi dalam peperiksaan yang dinilai dengan gred yang boleh diukur dengan menggunakan peperiksaan Penilaian Akhir Tahun Kolej ataupun keputusan PNGK pelajar.

## **1.9 Kepentingan Kajian**

Kajian ini bertujuan mengetahui hubungan sikap terhadap pembelajaran dan peluang memperbaiki kualiti dalam bidang pengajaran. Keputusan kajian ini amat penting kepada pendidik kerana boleh membantu pendidik mengetahui kejayaan atau kegagalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Gilbert Highet menyatakan bahawa keberkesanan pengajaran dan pelajaran boleh menarik minat pelajar terhadap sesuatu subjek. Oleh itu, minat pelajar amat penting untuk melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Pencapaian pelajar sering dikaitkan dengan sikap pelajar. Jika seseorang pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran, maka pencapaian akademik yang diperolehinya

pasti baik. Dengan adanya kajian ini, pihak Fakulti Pendidikan dapat mengenalpasti apakah sikap pelajar yang boleh membawa kepada kecemerlangan akademik, seterusnya merancang strategi pengajaran yang sesuai supaya sikap yang dikehendaki itu dapat dikukuhkan sekaligus melahirkan graduan yang berkualiti.

### **1.10 Penutup**

Bab 1 ini telah membincangkan wujudnya hubungkait antara sikap terhadap pencapaian akademik pelajar dan persoalan yang telah mencetuskan ilham untuk menjalani kajian ini. Pengkaji ingin mencari penyelesaian kepada permasalahan yang timbul serta menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada selaras dengan kehendak KPM pada masa kini.

## BAB 2

### SOROTAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dengan lebih terperinci tentang kemahiran generik, gaya belajar, motivasi dan pencapaian akademik pelajar. Perkara-perkara yang akan dibincangkan adalah mengenai tinjauan kajian-kajian yang lepas yang menjadi sumber pengetahuan dan panduan penting bagi seseorang pengkaji.

#### 2.2 Teori Sikap

Menurut Mohd. Najib Abdul Ghafar (1999), semua kajian yang hendak dijalankan seharusnya dilandaskan kepada kajian lepas yang berkaitan bagi membentuk satu pengetahuan yang boleh menyumbang kepada perbandingan dapatan atau manfaat untuk pengkaji yang akan datang. Definisi awal sikap ialah daripada Allport (1935) yang mengatakan bahawa:

An attitude is a mental and neural state of readiness, organized through experience, exerting a directive or dynamics influence upon the individual's response to all objects and situations with which it is related.

Berdasarkan pengertian di atas dapatlah difahami bahawa sikap menurut Allport ialah sebagai satu kesediaan mental dan saraf, tersusun melalui

pengalaman, mendorong satu arah atau mempengaruhi secara dinamik tindak balas individu terhadap semua objek dan situasi yang berkaitan dengannya.

Manakala Greenberg dan Baron pula mendefinisikan sikap sebagai satu kelompok perasaan, kepercayaan dan gelagat yang stabil secara relatifnya terhadap objek, manusia dan institusi yang spesifik. Doob (1947) pula menyatakan sikap adalah sesuatu yang implisit atau sesuatu yang tidak dinyatakan secara terus terang, menjadi penggerak kepada respons atau reaksi yang dianggap mempunyai signifikan sosial dalam masyarakat individu itu. Smith (1968) pula berpendapat sikap ialah satu organisasi kepercayaan yang tebal secara relatif di sekitar sesuatu objek atau situasi. Keadaan ini menyebabkan individu mudah terpengaruh dan bertindak mengikut pemilihannya sendiri.

Menurut Ainon (1997) pula, sikap ialah satu keadaan mental di mana seseorang itu sentiasa bersiap sedia untuk bertindak balas berdasarkan nilai-nilai peribadi seseorang itu sendiri. Tindak balas yang ditunjuk itu boleh jadi positif, negatif, menyetujui atau menentang. Kesediaan itu sentiasa ada dalam diri individu dan menunggu bila-bila masa sahaja untuk ditunjukkan. Dalam definisi yang mudah, sikap didefinisikan sebagai satu kecenderungan yang ditunjukkan oleh seseorang individu terhadap sesuatu perkara atau benda atau peristiwa. Ia menggambarkan bagaimana perasaan seseorang terhadap sesuatu. Contohnya seperti, "saya suka akan kerja saya", menyatakan sikap terhadap kerja.

Menurut Asmawati Desa (2002), perasaan inilah yang akan menentukan pelbagai bentuk gelagat sosial yang kita paparkan terhadap individu-individu tertentu atau sesuatu kumpulan. Gelagat tersebut adalah seperti gelagat prejudis, diskriminasi, prososial dan lain-lain. Berdasarkan pelbagai pengertian dan interpretasi tentang sikap di atas, dapatlah dirumuskan bahawa sikap adalah satu proses mental yang bersifat fikiran, perasaan atau tanggapan terhadap sesuatu objek, aspek atau situasi tertentu. Justeru itu, sikap adalah sesuatu yang abstrak

## RUJUKAN

Alias Baba. 1989. *Beberapa Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Kimia.* Jurnal Pendidikan: 13 dan 14: 19-27.

Adnan Khamis. 1986. *Pertalian Sikap Pelajar Dan Perkaitannya Dengan Pencapaian Akademik.* Jurnal Pendidikan.

Aiken, L R. 1997. *Psychological Testing and Assessment.* Ninth Edition. Boston: Allyn and Bacon.

Ainon Mohd Abdullah Hassa. 1997. *Memahami Psikologi Berfikir :* Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Arham Abdullah. 2006. *Faktor-faktor Yang Menyumbang kepada Kecemerlangan Akademik Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia.*

Asmawati Desa. 2002. *Psikologi untuk Golongan Profesional.* Universiti Kebangsaan Malaysia: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Azizi Yahaya. 2006. *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan.* Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.

Baron, R. A. and Greenberg J. 1990. *Behaviour in Organisations. Understanding and managing the human side of work.* Boston.

Beech, H.R. Burn, L.E. 1982. *A Behavior Approach To The Management Of Stress*. United Kingdom: John Wiley and Sons.

Best, J and Kahn JV. 1993. *Research methods in education*. Seventh Edition. Boston: Ally and Bacon.

Bohner, G. and Wanke, M. 2002. *Attitudes and Attitude Change*. Psychology Press Ltd. New York.

Brookfield, S. 1986. *Understanding and facilitating adult learning*. San Francisco: Jossey-Bass.

Bryson, L.L. 1936. *Adult Education*. Ney York: American Book Company.

Centra, J.A, and Potter, D. A. 1980. *School and Teacher Effects: An Interrelational model*. Review Of Educational Research Summer. **50**(2): 273-291.

Chee Kim Mang. 2001. *Satu model pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Ekonomi Asas*. Kajian rintis di sebuah Sekolah Menengah di Pulau Pinang.

Cheung, K.C. 1988. *Outcome of Schooling. Mathematics Achievement And Attitudes Towards Mathematics learning In Hong Kong*. Educations Studies In Mathematics. **19**: 209-219.

Cross, K.P. 1981. Adults as learners. *Increasing Participation and facilitating Learning*. San Francisco: Jossey-Bass.

Darkenwald and Merriam. 1982. *Adult education. Foundations of practice*. New York : Harper and Row.

Doop, L. W. 1947. *The Behaviour of Attitudes*. Reading in Attitude Theory and Measurement. New York: John Wiley

Eisenhart, M. A. 1991. Conceptual frameworks for research circa 1991. *Ideas from a cultural anthropologist and Implications for mathematics education researchers*.

Festinger, L. 1957. *A Theory of Cognitive Dissonance*. Stanford University Press.

Fishbein, M. 1980. Understanding attitudes and predicting social behavior. Englewood Cliffs. NJ: Prentice Hall.

Garrison, D.R. 1993. Quality and access in distance education. *Theoretical Principles of Distance Education* . New York: Routledge.

Hanifi Ismail. 2001. *Tujuh Cabaran Menjadi Pelajar Cemerlang*. Cetakan Kedua. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Heider, F. 1946. Attitudes and Cognitive Organization. *Journal of Psychology*. 21: 107-112.

Hymes, D. 1972. *On communicative competence*. J.B. and J. Holmes. Harmondsworth: Penguin Books.

Honey P. and Mumford A. 1992. *The Manual of Learning Style*. Second Edition. United Kingdom: Peter Honey.

Houle, C. 1996. *The Design of Education*. ( 2<sup>nd</sup> Ed). San Francisco: Jossey-Bass.

Krathwohl, D.R. 2001. *The taxonomy table*. Anderson and D. Krathwohl

Krejcie, R. V. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* . 30: 607-610.

Kuhn, T. 1962. *The Structure of Scientific Revolutions*, Chicago. University of Chicago Press.

Malcolm S. Knowles. 1998. *The Adult Learner*. Fifth Edition. United States of America: Gulf Publishing Company.

Mahmood Nazar Mohamed. 1992. Pengantar Psikologi. *Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mann. 1969. *Social Psychology*. Sydney: John Wiley & Sons Australia.

Maslin Sulaiman. 2002. *Masalah Yang Dihadapi Oleh Tenaga Pengajar Atau Guru Teknikal Bukan Siswazah Terhadap Profesional Perguruan Di Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Selangor*. Universiti Teknologi Malaysia

Merriam, S. and Brockett, R. 1997. *The Profession and Practice of Adult Education*. San Francisco: Jossey-Bass.

Merriam and Caffarella. 2007. Learning in adulthood. (3<sup>rd</sup> Ed). San Francisco: Jossey-Bass.

Merriam and Sarah. 1998. *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.

Meyer J and Allen N. 1997. *Commitment in the Workplace. Theory, Research, and Application*. Sage Publications.

Mohamad Najib Abdul Ghafar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan* Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Daud Hamzah. 1990. *Emosi Dalam Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Najib Abd. Ghafar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Majid Konting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur:  
Dewan Bahasa dan Pustaka

Morris, J. 1981. *Math Anxiety. Teaching To Avoid It. The Mathematics Teachers.*  
**74(6).**

Nor Azah Samot. 2006. *Faktor-faktor Penentu Kecemerlangan Pelajar  
dalam Kursus Teori Statistik di Universiti Pendidikan Sultan Idris.*

Norhani Bakri. 2005. *Punca Prestasi Pembelajaran yang Lemah Di Kalangan  
Pelajar Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia. Jurnal  
Teknologi.* **43(E): 29-44.**

Pratkanis, A.R. 1989. *The cognitive representation of attitudes. Attitude structure  
and function.* Hillsdale. NJ: Lawrence Erlbaum Associates Inc.

Rajecki. 1989. *Attitudes.* Second Edition. Sunderland, MA: Sinauer.

Rogers, C. 1993. *Freedom to Learn* . 3rd edition. New York: Merrill.

Rosenberg, M. J. 1960. *A structural theory of attitude dynamics.* Public Opinion  
Quarterly. **24:** 319-341.

Salihan Siais . 1991. *Teknik Belajar Berkesan.* Kuala Lumpur: Siri Maju Sdn. Bhd.

Schunk, D.H. 1991. *Learning Theories: An Educational Perspective*. New York: Merill

Secord and Backman. 1966. *Social Psychology*. New York: Mc. Graw Hill Book Company.

Siti Hawa Munji. 1987. *Kajian Penggunaan Teknik Belajar Oleh Pelajar-pelajar Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Sarawak*. Sarawak: Universiti Pertanian Malaysia.

Sulaiman Ngah Razali. 1996. *Analisis Data Dalam Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Taylor, B.M. and Maruyama, G. 1990. *Time Spent Reading And Reading Growth*. American Educational Research Journal. 5(3): 351-362

Toh Hon Leong. 2000. *Rahsia Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Wan Izzuddin Wan Sulaiman dan Wan Hasni Wan Sulaiman. 1991. *Strategi Belajar Yang Berkesan*. Kuala Lumpur: Sabha-DTP Services Sdn. Bhd.

Wiley, D.E. and Harnischfeger, A. 1974. *Explosion Of A Myth. Quality Of School And Exposure To Instruction*. Educational Researcher : 7-12.

Salihan Siais. 1991. *Teknik Belajar Berkesan*. Kuala Lumpur: Siri Maju Sdn. Bhd.

Taylor, B.M. 1990. *Time Spent Reading And Reading Growth*. American Educational Research Journal. 5(3): 351-362.

Tannenbaum . 1995. Theories of cognitive consistency.A sourcebook, pp. 73- 111. Chicago: Rand McNally.

Warmbrod, J. R. 1986. The theoretical/conceptual framework: *What is its relevance to conclusions and recommendations?*